



STRATEGI AKULTURASI DAN HASIL PEMBUDAYAAN BERBEZA DALAM KALANGAN PELAJAR ANTARABANGSA UNIVERSITI AWAM MALAYSIA

ACCULTURATION STRATEGY AND DIFFERENT CULTURAL RESULTS AMONG THE INTERNATIONAL STUDENTS OF THE PUBLIC UNIVERSITY OF MALAYSIA

Irma Wani Othman¹, Muhammad Safuan Yusoff², Syamsul Azizul Marinsah³, Saifulazry Mokhtar⁴, Habibah Artini @ Ramlie⁵, Mohd Kamal Mohd Shah^{6*}

¹ Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa, Universiti Malaysia Sabah, Malaysia
Email: irma@ums.edu.my

² Fakulti Kewangan Antarabangsa Labuan, Universiti Malaysia Sabah, Malaysia
Email: safuan_y@yahoo.com

³ Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa, Universiti Malaysia Sabah, Malaysia
Email: syamsulaziziul@ums.edu.my

⁴ Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa, Universiti Malaysia Sabah, Malaysia
Email: saifulazry.mokhtar@ums.edu.my

⁵ Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa, Universiti Malaysia Sabah, Malaysia
Email: habibah_artini@ums.edu.my

⁶ Fakulti Kejuruteraan, Universiti Malaysia Sabah, Malaysia
Email: mkamalms@ums.edu.my

* Corresponding Author

Article Info:

Article history:

Received date: 10.11.2020

Revised date: 24.11.2020

Accepted date: 29.11.2020

Published date: 02.12.2020

To cite this document:

Othman, I. W., Yusoff, M. S., Marinsah, S. A., Mokhtar, S., Ramlie, H. A., & Shah, M. K. M. (2020). Strategi Akulturasi dan Hasil Pembudayaan Berbeza Dalam

Abstrak:

Akulturasi difahami sebagai suatu kelangsungan proses menerima masuk elemen budaya asing tanpa kehilangan identiti budaya asal. Keterlihatan hasil pembudayaan akulturasi lebih mudah dicapai dengan kemasukan unsur-unsur kebendaan seperti proses pinjam meminjam bahasa, pengaruh berpakaian dan makanan. Namun unsur-unsur budaya yang tidak berbentuk kebendaan seperti ideologi dan pemikiran adalah lebih sukar direalisasikan. Justeru itu tumpuan perbincangan kertas kerja ini adalah untuk mengenal pasti proses akulturasi dan hasil pembudayaan berbeza berdasarkan penggabungan, pertembungan ataupun penyisihan budaya. Kertas kerja ini memberi penumpuan kepada data empirikal yang diperolehi dari temu bual mendalam bersama sekumpulan pelajar antarabangsa yang sedang mengikuti pengajian

Kalangan Pelajar Antarabangsa Universiti Awam Malaysia. *Journal of Tourism, Hospitality and Environment Management*, 5 (21), 123-142.

DOI: 10.35631/JTHER.521008.

This work is licensed under [CC BY 4.0](https://creativecommons.org/licenses/by/4.0/)



di Universiti Awam Malaysia. Pemilihan petikan naratif bersandarkan pandangan informan kajian digunakan bagi menyokong strategi-strategi akulturasi yang diadaptasi oleh kumpulan berkenaan. Empat buah universiti awam yang dipilih berdasarkan penjenisan universiti, latar belakang penubuhan universiti dan enrolmen tahunan pelajar antarabangsa. Pengaplikasian kaedah temu bual semi struktur dilaksanakan dengan mengutilasikan pendekatan analisis induktif. Hasil kajian mengemukakan lima strategi dan hasil pembudayaan yang berbeza iaitu (i) Asimilasi Membangun Hubungan dengan Budaya Baru, (ii) Pemisahan Nilai dan Ciri Budaya Asal Berdasarkan Penafian Pengaruh Budaya Baru, (iii) Budaya Baru dan Peminggiran Budaya Asal dalam Amalan Kehidupan Sehari-hari, (iv) Integrasi Pengekalan Budaya Asal dalam Menerokai Budaya Baru dan (v) Transmutasi Budaya Baru dan Lama dalam Penghasilan Budaya Alternatif. Penemuan baru kajian ini membuktikan strategi akulturasi yang digunakan oleh kumpulan pelajar antarabangsa di Universiti Awam Malaysia telah memberikan implikasi yang berbeza terhadap hasil pembudayaan. Beberapa faktor yang menyumbang kepada penerimaan dan penolakan akulturasi adalah usia pelajar antarabangsa yang masih muda iaitu sekitar awal dua puluhan lantas tidak mempunyai kematangan, latar belakang pendidikan dan pengaruh keluarga, status sebagai orang asing yang tidak menetap dalam tempoh masa yang panjang di negara tuan rumah, jarak budaya antara negara asal dan negara tuan rumah serta justifikasi kepada mobiliti pelajar yang bertujuan melanjutkan pengajian di luar negara. Sumbangan penataran ilmu dalam kertas kerja ini mengunjurkan pengetahuan bernilai bagi calon pelajar antarabangsa dalam percaturan strategi akulturasi diri semasa berada di luar negara. Perbincangan data empirikal disulami dengan seleksi naratif yang merujuk dialog asal responden kajian mampu untuk memberi gambaran serta berperanan sebagai garis panduan pihak pentadbiran universiti agar lebih prihatin terhadap implikasi akulturasi kemandirian dan kesalinghubungan dengan pencapaian akademik dalam kalangan pelajar antarabangsa.

Kata Kunci:

Strategi Akulturasi, Hasil Pembudayaan Berbeza, Universiti Awam Malaysia, Pelajar Antarabangsa

Abstract:

Acculturation is understood as a continuation of the process of accepting foreign cultural elements without losing the original cultural identity. Visibility as a result of acculturation culture is more easily achieved with the inclusion of material elements such as the process of borrowing language, the influence of clothing and food. Yet non-material cultural elements such as ideology and thought are more difficult to materialise. Therefore, the focus of the discussion of this paper is to identify the process of acculturation and different cultural outcomes based on mergers, clashes, or cultural isolation. This paper focuses on empirical data obtained from in-depth interviews with a group of international students currently studying at Public Universities of Malaysia. The selection of narrative quotations based on the views of the informants was used to support the acculturation strategies adapted by the group. Four public universities of Malaysia were selected based on the classification of the universities, the background of the establishment of the university, and the annual enrolment of international students. The application of semi-structured interview methods was implemented by utilizing an inductive analysis approach. The results of the study presented five different strategies and cultural outcomes, namely (i) Assimilation of Developing Relationships with New Culture, (ii) Separation of Values and Characteristics of Indigenous Culture Based on Denial of Influence of New

Culture, (iii) New Culture and Marginalisation of Indigenous Culture in Daily Life Practices, (iv) Integration of Preservation of Native Culture in Exploring New Culture and (iv) Transmutation of New and Old Culture in the Production of Alternative Culture. The new findings of this study had proven that the acculturation strategies used by the international student group at Public Universities of Malaysia have given different implications for the results of collateralisation. Some of the factors that contributed to the acceptance and rejection of acculturation are the age of young international students who are around the early twenties and therefore immature, educational background and family influence, status as a foreigner who does not reside for a long time in the host country, the cultural distance between the country of origin and the host country as well as justification for student mobility aimed at furthering their studies abroad.

Keywords:

Acculturation Strategy, Culture Differences, Public Universities of Malaysia, International Students

Pengenalan

Dalam usaha mempergiatkan pengantarabangsaan, pelbagai strategi telah dilakukan termasuklah (i) penambahan bilangan pelajar antarabangsa, (ii) perluasan penawaran program pengajian kepada pelajar antarabangsa dan (iii) penjenamaan semula Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) serta Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) dalam mencapai sasaran enrolmen pelajar antarabangsa sebanyak 250,000 orang menjelang tahun 2025 (MOHE, 2019). Sebagai sebuah negara yang sedang membangun, Malaysia merupakan antara negara yang menjadi destinasi pilihan untuk melanjutkan pengajian dalam kalangan pelajar antarabangsa (Irma Wani, Herlina dan Norazah, 2019b). Kehadiran pelajar antarabangsa dari pelbagai latar belakang kewarganegaraan, agama, budaya dan sebagainya menjadikan universiti di negara ini lebih bersifat diversiti dan komprehensif (Irma Wani, Hasbullah dan Norazah, 2019a). Bagi memastikan kelestarian kemandirian pelajar antarabangsa, pihak pentadbiran universiti perlu mengambil inisiatif dalam mewujudkan persekitaran selesa dan terjamin (Abd Hair, Zaimah dan Izzurazlia, 2012; Irma Wani *et al.*, 2017b; Herlina *et al.*, 2018). Kelangsungan dari itu, pelajar antarabangsa berupaya membina keyakinan bukan sahaja terhadap persekitaran belajar yang kondusif tetapi juga kepelbagaian budaya serta masyarakat tempatan yang bersifat terbuka menerima asimilasi pelajar dalam persekitaran yang begitu asing buat mereka.

Menurut Podymov *et al.*, (2019) terdapat tiga pengklasifikasian akulturasi iaitu *blind acculturation* yang terjadi apabila individu atau sekelompok individu yang budaya berbeza berada di tempat yang sama di mana membuka ruang antara satu sama lain mempelajari budaya masing-masing. Manakala *imposed acculturation* pula merujuk kepada proses akulturasi yang mempunyai unsur pemaksaan dalam konteks menerima budaya asing masuk ke dalam budaya baru. Seterusnya *democratic acculturation* lebih menjurus kepada setiap dari individu yang mempunyai budaya masing-masing mengamalkan pendekatan untuk menghormati budaya individu yang lain. Antara beberapa aspek yang dibincangkan dalam kertas kerja ini merujuk kepada perilaku individu dalam mempertahankan identiti budaya asal mereka. Perlakuan berkenaan merujuk kepada pemilihan komunikasi, penggunaan pakaian dan beberapa kecenderungan lain untuk mempamerkan kan identiti budaya melalui lambang budaya tertentu. Turut diberikan perhatian adalah penglibatan individu dalam kelompok

tertentu berdasarkan keakraban latar belakang dan ideologi yang hampir serupa. Persamaan tersebut meletakkan suatu identiti yang mampu meningkatkan persepsi kurang wajar ke atas kesetiakawanan sesama mereka sebagai satu kumpulan dibentuk bersandarkan keserumpunan bangsa. Justeru itu strategi akulturasi yang biasanya dialami oleh individu boleh memperlihatkan penghasilan budaya berbeza. Antaranya adalah (i) strategi integrasi yang mempertahankan budaya asal tetapi tetap mahu melibatkan diri dengan budaya baru, (ii) strategi asimilasi iaitu menolak budaya asal dan beralih secara menyeluruh mengasimilasikan budaya baru, (iii) strategi pemisahan yang berusaha untuk mengekalkan budaya baru dengan menolak budaya luar dan (iv) strategi marginalisasi iaitu mengambil keputusan untuk tidak mengamalkan budaya dan tidak mahu mengikuti budaya baru.

Sorotan Literatur

Akulturasi budaya boleh mengambil bentuk yang berbeza dan memperlihatkan hasil yang berbeza bergantung dengan pendekatan yang diambil oleh seseorang individu mahupun komuniti tertentu. Semua perbezaan tersebut mempunyai kelangsungan dengan keinginan mereka untuk mengekalkan budaya asal tetapi dalam masa yang sama berusaha memelihara keharmonian dengan mengikuti budaya baru. Sorotan literatur berhubung dengan akulturasi dan budaya dalam perbincangan kertas kerja ini diambil dari beberapa pandangan sarjana dan diringkaskan seperti di bawah:

Jadual 1: Sintesis Sorotan Literatur Strategi Akulturasi dan Hasil Pembudayaan Berbeza dalam Kalangan Pelajar Antarabangsa Universiti Awam Malaysia

| Sarjana | Sumbangan |
|---|---|
| Lee, (2017) | Faktor budaya adalah elemen utama yang mempengaruhi keputusan pelajar antarabangsa untuk melanjutkan pengajian. Adaptasi budaya adalah penyesuaian tingkah laku dan menjana suatu transformasi individu dengan masyarakat tempatan. |
| Newsome dan Cooper, (2016) | Adaptasi silang budaya memerlukan seseorang individu berusaha mendalami budaya asing dan menggabungkan tingkah laku serta nilai hidup budaya masyarakat baru. |
| Lee dan Ciftci, (2014) | Penyesuaian diri serta dapat mengadaptasi budaya baru bagi menjamin pengekalan keberadaan mereka di negara tuan rumah. |
| Ahmad dan Buchanan (2017) | Interaksi budaya adalah pertemuan antara dua budaya yang berbeza di kalangan pelajar ketika berhubung dan berkomunikasi melalui proses pembelajaran. |
| Irma Wani, Herlina dan Norazah, (2019b) | Kejayaan interaksi di antara budaya lebih mudah dicapai jika keserasian dapat diwujudkan dan mempunyai persamaan di antara kedua-dua budaya. |
| Smith dan Khawaja (2014) | Akulturasi adalah proses kompleks, dinamik dan multi-dimensional. |
| Sawir (2014) | Penyesuaian diri, kecekapan budaya, tekanan asimilasi diri ke dalam pembudayaan baru berbeza antara individu. |
| Gabel, Dolen dan Cerdin, (2013); Tian dan Lowe, (2014); Hirai, Frazier dan Syed, (2015) | Aspek budaya wajar dilihat sebagai pertimbangan wajar sebelum sebarang pembuatan keputusan dilakukan |

| | |
|---|---|
| Portal MyMetro, (2018) | Faktor penarik pelajar antarabangsa datang ke Malaysia adalah disebabkan oleh kekayaan serta keunikan budaya. |
| Portal Berita Harian, (2017) | Pelajar antarabangsa khususnya dari China, Indonesia, Yaman, Libya, Nigeria dan Sudan menjadikan Malaysia sebagai pilihan utama untuk melanjutkan pengajian dalam pelbagai bidang disebabkan keunikan masyarakat majmuk. |
| Portal Berita Harian, (2017) | Pembentukan identiti budaya yang jauh berbeza dengan budaya negara asal mereka dari aspek bahasa, makanan, pakaian tradisional dan hari perayaan |
| Glass dan Westmont, (2014); Hwang, Martirosyan dan Moore, (2016) Cowley dan Ssekasi, (2018) | Latar belakang Malaysia sebagai sebuah negara yang mempunyai masyarakat berbilang bangsa, agama serta budaya, maka pengenalan kepada silang budaya merupakan suatu inisiatif pro aktif bagi membolehkan pelajar antarabangsa tidak mengalami kejutan budaya sewaktu berada di negara tuan rumah |
| Portal MyMetro, (2018) | Program silang budaya dianjurkan oleh pihak universiti semasa minggu suai mesra adalah usaha membantu pelajar antarabangsa menerokai dan mempelajari budaya masyarakat tempatan. |
| Kim, (2015) | Pemahaman tentang dua konsep penting berkenaan dengan pelarasan iaitu kecerdasan budaya dan emosi mampu menggambarkan proses pelarasan budaya. |
| Morrell <i>et al.</i> , (2013) | Konsep kecerdasan budaya merujuk kepada keupayaan seseorang untuk berinteraksi, mengaitkan dan menyesuaikan diri secara berkesan merentasi kepelbagaian budaya yang wujud. |
| Greeshan, (2013); Arkoudis dan Baik, (2014); Li dan Zizzi, (2018) | Pelajar antarabangsa perlu bijak menyesuaikan diri serta dapat mengadaptasikan budaya baru bagi menjamin pengkalan keberadaan mereka di negara tuan rumah. |
| Colvin, Fozdar dan Volet, (2012) | Interaksi budaya adalah proses pembelajaran di mana terjadinya pertembungan antara dua budaya. |
| Irma Wani <i>et al.</i> , (2017a) | Kejayaan interaksi di antara budaya lebih mudah dicapai jika keserasian dapat diwujudkan dengan menerima persamaan dan perbezaan budaya sesama mereka dengan sikap yang lebih positif. |
| Yan, (2017) | Kurang motivasi dalam menjalankan interaksi di antara budaya telah menyebabkan kurangnya keyakinan diri serta sifat keterbukaan dalam kalangan pelajar antarabangsa bersama berinteraksi dengan pelajar tempatan. Senario tersebut berlaku disebabkan perbezaan latar belakang budaya yang ketara. |
| Falcone, (2017) | Kejutan budaya ini disebabkan oleh kekeliruan semasa berhadapan dengan budaya yang begitu asing buat diri mereka. |
| Podymov <i>et al.</i> , (2019) | Asimilasi Membangun Hubungan Dengan Budaya Baru difahami sebagai proses mengasimilasikan diri ke dalam budaya baru tanpa begitu menitikberatkan untuk menjaga keaslian budaya asal di mana individu mudah untuk melepaskan nilai budaya asal bagi memastikan boleh selesa berada dalam budaya baru negara tuan rumah. |
| Peng dan Wu, (2019) | Pemisahan ditakrifkan sebagai tindakan yang memastikan nilai dan ciri budaya asal tidak dilepaskan demi menjaga keaslian budaya asal. |

| | |
|-----------------------------------|---|
| | Hasil penafian tersebut membawa kepada budaya dikekalkan, manakala budaya baru pula ditolak dari mempengaruhi cara kehidupan di negara tuan rumah. Dalam konteks ini golongan pelajar antarabangsa dan masyarakat tempatan dipisahkan dari segi budaya dan berpotensi untuk mencetuskan perkauman dan diskriminasi. |
| Ladum dan Burkholder, (2019) | Integrasi bermaksud inisiatif untuk mengekalkan budaya asal dan mendalami budaya baru di mana kedua-dua elemen berkenaan dianggap penting terutama bagi kumpulan minoriti. Integrasi budaya sesuai diamalkan dalam sebuah masyarakat majmuk dan berbilang budaya. |
| Biserova dan Shagivaleeva, (2019) | Peminggiran didefinisikan sebagai sikap tidak acuh untuk cuba memahami budaya baru dan dalam masa yang sama tidak juga merasakan kepentingan budaya asal untuk diamalkan dalam kehidupan seharian. |
| Peng dan Wu, (2019) | Transmutasi diketahui sebagai suatu proses yang menggabungkan budaya baru dan lama serta cuba menghasilkan suatu budaya ke-3 yang dianggap lebih memenuhi keperluan semasa. |

Metodologi

Penyelidikan kualitatif ini bertujuan untuk mengkaji strategi akulturasi dan hasil pembudayaan berbeza dalam kalangan pelajar antarabangsa Universiti Awam Malaysia. Pemilihan empat buah universiti awam yang dinamakan Universiti I, Universiti II, Universiti III dan Universiti IV adalah ditentukan berdasarkan klasifikasi dan status universiti, sejarah penubuhan dan persekitaran sosio politik serta populasi pelajar antarabangsa yang berdaftar di setiap satu institusi pengajian tinggi tersebut. Seleksi pilihan ke atas empat buah universiti awam berbeza dilakukan bagi mengenalpasti keterlihatan dan keberkesanan dasar pengantarabangsaan sesebuah universiti berdasarkan pengkategorian universiti iaitu universiti komprehensif, universiti teknikal, universiti penyelidikan dan universiti berfokus. Untuk mengekalkan kerahsiaan, pelajar dan universiti yang terlibat diklasifikasikan secara *pseudonym*. Penggunaan teknik persampelan bertujuan dalam kajian ini bertujuan merujuk kepada sekumpulan subjek kajian yang mempunyai ciri-ciri tertentu dan terpilih berdasarkan pertimbangan pengkaji dengan merujuk secara khusus objektif kajian ini (Creswell, 2013). Kajian ini menggunakan kaedah temu bual semi struktur yang melibatkan seramai 40 orang pelajar antarabangsa bagi tujuan mendapatkan data empirikal selari dengan objektif kajian yang ditetapkan (Eriksson dan Kovalainen, 2015). Keutamaan menggunakan kaedah temu bual semi berstruktur adalah apabila kaedah tersebut berupaya menyediakan kebebasan kepada penyelidik untuk bertanyakan semula setiap maklum balas yang dikemukakan oleh responden dengan lebih menyeluruh, lantas seterusnya menggunakan kebijaksanaannya dalam membuat penekanan terhadap isu yang wajar untuk diterokai secara mendalam (Flick, 2014). Akhir sekali, perolehan data empirikal temu bual secara mendalam tersebut diproses melalui analisis induktif dengan melakukan transkrip rakaman audio setiap responden ke dalam bentuk teks (Seidman, 2006). Pengkategorian tema melalui proses pengekodan dilakukan bagi menghasilkan tema dominan sebagai hasil dapatan penyelidikan (Creswell, 2013).

Hasil Penyelidikan

Fokus kertas kerja ini membincangkan hasil dapatan kajian yang dipersembahkan melalui pernyataan naratif dari pelajar antarabangsa. Penumpuan perbincangan adalah pada isu-isu

akulturasi budaya yang ditempuh golongan pelajar antarabangsa sepanjang berada di Malaysia.

Asimilasi Membangun Hubungan Dengan Budaya Baru Berdasarkan Pengalaman Meneroka Silang Budaya

Menurut Irma Wani, Herlina dan Norazah, (2019b) faktor tolakan seseorang pelajar antarabangsa melanjutkan pengajian ke luar negara disebabkan keinginan mendapatkan pengalaman baru serta meneroka budaya negara tuan rumah. Namun dalam konteks perbincangan kertas kerja ini proses asimilasi membangunkan hubungan dengan budaya baru lebih difahami sebagai sebuah pengalaman membina hubungan dengan budaya baru dan menerokai silang budaya semasa berada di negara tuan rumah. Seperti yang tertera dalam Jadual 2 mendapati seramai 23 daripada 40 orang responden kajian bersetuju bahawa dengan datang belajar di Malaysia membuka ruang menempuh pengalaman berbeza dengan kehidupan dengan negara asal mereka.

Jadual 2: Asimilasi Membangun Hubungan dengan Budaya Baru Berdasarkan Pengalaman Menerokai Silang Budaya

| Universiti I | Universiti II | Universiti III | Universiti IV |
|----------------------------|----------------------------|----------------------------|----------------------------|
| Pelajar Antarabangsa 2 | Pelajar Antarabangsa 11 | Pelajar Antarabangsa 20 | Pelajar Antarabangsa 29 |
| Pelajar Antarabangsa 4 | Pelajar Antarabangsa 13 | Pelajar Antarabangsa 21 | Pelajar Antarabangsa 30 |
| Pelajar Antarabangsa 5 | Pelajar Antarabangsa 14 | Pelajar Antarabangsa 23 | Pelajar Antarabangsa 31 |
| Pelajar Antarabangsa 7 | Pelajar Antarabangsa 18 | Pelajar Antarabangsa 24 | Pelajar Antarabangsa 33 |
| Pelajar Antarabangsa 8 | | Pelajar Antarabangsa 25 | Pelajar Antarabangsa 36 |
| Pelajar Antarabangsa 10 | | | Pelajar Antarabangsa 37 |
| | | | Pelajar Antarabangsa 38 |
| | | | Pelajar Antarabangsa 39 |

Situasi tersebut terjadi apabila seseorang individu tidak begitu menitikberatkan untuk menjaga keaslian budaya negara asal di mana individu berkenaan dengan rasa mudah bersedia untuk melepaskan nilai-nilai budaya asal bagi memastikan mereka boleh selesa berada dalam budaya baru negara tuan rumah. Pengalaman menempuh budaya baru yang dikemukakan oleh pelajar antarabangsa tersebut adalah berdasarkan peluang memperoleh bukan sahaja ilmu pengetahuan tetapi juga asimilasi silang budaya yang membangunkan hubungan pelajar antarabangsa dengan masyarakat tempatan (Suryandari, Jaafar dan Hamzah, 2014; Nilsson dan Umeå, 2015; Herlina *et al.*, 2017; James-MacEachern dan Yun, 2017; Cowley dan Ssekasi, 2018; Peng dan Wu, 2019). Justeru itu pelajar antarabangsa mendapat peluang menerokai dan mempelajari kepelbagaian, keunikan serta kekayaan budaya masyarakat majmuk Malaysia. Kajian Cowley dan Ssekasi, (2018) menyokong keputusan pelajar antarabangsa membuat keputusan belajar ke luar negara sebahagian besar

di sumbang dari keterujaan merasai kehidupan baru di samping berpeluang menerima pendidikan dari universiti berprestasi.

“Sebelum ini saya tidak pernah mengambil berat tentang aktiviti kebudayaan di negara saya. Jadi apabila saya datang ke sini dan berpeluang mengikuti karnival kebudayaan sebagai kokurikulum wajib maka saya merasa teruja dengan kepelbagaian budaya yang diperlihatkan menerusi acara adat, tarian tradisional serta perayaan kebudayaan. Saya tidak merasa terikat untuk kekal berpegang dengan nilai budaya asal sedangkan budaya yang diamalkan oleh masyarakat negara ini jauh lebih menarik.” (Pelajar Antarabangsa 5)

“Apa yang boleh saya katakan budaya adalah bersifat universal. Jadi untuk memilih budaya kehidupan berdasarkan asal usul kita adalah suatu kenyataan yang tidak menunjukkan sikap terbuka. Apabila saya membuat keputusan untuk keluar dari negara asal bagi mendapatkan ilmu pengetahuan maka keputusan tersebut juga merangkumi kesediaan saya untuk menerima budaya baru dan menjalani kehidupan dengan amalan dan budaya di sini.” (Pelajar Antarabangsa 14)

“Kami generasi zaman siber tidak begitu prihatin untuk mengekalkan budaya lama kerana matlamat kami datang ke sini lebih menjurus untuk memperoleh pendidikan yang terbaik. Budaya adalah sebahagian dari kehidupan dan kehidupan sentiasa berubah sejajar dengan perkembangan semasa.” (Pelajar Antarabangsa 25)

Dari pandangan yang dilontarkan oleh Pelajar Antarabangsa 5, 14 dan 25 bahawa asimilasi membangunkan hubungan dengan budaya baru menjadi lebih mudah dicapai sekiranya mereka tidak begitu terikat untuk mempertahankan budaya asal. Majoriti dari pelajar antarabangsa percaya bahawa berfikiran terbuka dengan budaya baru boleh menjadikan kehidupan lebih bermakna di negara tuan rumah (Glass dan Westmont, 2014; Hirai, Frazier dan Syed, 2015; Ahmad dan Buchanan, 2017; Lee, 2017; Cowley dan Ssekasi, 2018; Biserova dan Shagivaleeva, 2019).

Pemisahan Nilai dan Ciri Budaya Asal Berdasarkan Penafian Pengaruh Budaya Baru

Hasil dapatan kajian mempersembahkan pandangan 19 orang pelajar antarabangsa dari 40 reponden kajian ini berhubung pemisahan nilai dan ciri budaya asal berdasarkan penafian untuk menerima pengaruh budaya baru. Dengan erti kata lain, pelajar antarabangsa didapati telah menafikan pengaruh budaya baru masuk ke dalam kehidupan mereka kerana memilih untuk terus kekal mengamalkan nilai dan ciri budaya dari negara asal. Ini dilihat dari konteks asimilasi budaya apabila kelompok pelajar tersebut berada dalam mod kesukaran untuk menyesuaikan diri dengan persekitaran baru, iaitu sama ada kehidupan dalam kampus mahupun di luar kampus. Hasil penafian untuk terpengaruh dengan budaya baru telah membawa kepada budaya asal dikekalkan, manakala budaya baru pula ditolak dari mempengaruhi cara kehidupan di negara tuan rumah. Dalam konteks ini, golongan pelajar antarabangsa dan masyarakat tempatan dipisahkan dari segi budaya dan berpotensi untuk mencetuskan perkauman dan diskriminasi (Cao dan Meng, 2012; Gilakjani, 2015; Martirosyan, Hwang dan Wanjohi, 2015; Irma Wani *et al.*, 2018; Irma Wani, Hasbullah and Norazah, 2019a).

Jadual 3: Pemisahan Nilai dan Ciri Budaya Asal Berdasarkan Penafian Pengaruh Budaya Baru

| Universiti I | Universiti II | Universiti III | Universiti IV |
|---------------------------|----------------------------|----------------------------|----------------------------|
| Pelajar Antarabangsa 1 | Pelajar Antarabangsa 12 | Pelajar Antarabangsa 19 | Pelajar Antarabangsa 28 |
| Pelajar Antarabangsa 3 | Pelajar Antarabangsa 15 | Pelajar Antarabangsa 22 | Pelajar Antarabangsa 32 |
| Pelajar Antarabangsa 4 | Pelajar Antarabangsa 17 | Pelajar Antarabangsa 23 | Pelajar Antarabangsa 34 |
| Pelajar Antarabangsa 6 | | Pelajar Antarabangsa 26 | Pelajar Antarabangsa 35 |
| Pelajar Antarabangsa 9 | | Pelajar Antarabangsa 27 | Pelajar Antarabangsa 38 |
| | | | Pelajar Antarabangsa 40 |

Merujuk kepada Jadual 3, dapatan kajian mengemukakan seramai 19 orang dari 40 pelajar antarabangsa yang ditemu bual mengakui keunikan budaya dan adat resam masyarakat majmuk di Malaysia. Namun mereka tidak mendapati pengalaman tersebut sesuatu yang istimewa untuk diterokai. Ini kerana golongan pelajar antarabangsa merasa lebih selesa dengan amalan budaya asal dan tidak merasakan mempelajari budaya baru sebagai satu keperluan mendesak terutama melihat tempoh masa hanya beberapa tahun untuk berada di negara tuan rumah (Gresham, 2013; Glass dan Westmont, 2014; Kim, 2015; Krishna, 2016; Irma Wani *et al.*, 2017a; Li dan Zizzi, 2018). Manakala Pelajar Antarabangsa 1 dan 27 merasakan kepelbagaian loghat bahasa yang dipertuturkan oleh pelajar tempatan telah menjadikan mereka lebih sukar untuk memahami bahasa rasmi Malaysia. Situasi tersebut membawa penumpuan pelajar antarabangsa untuk berkomunikasi hanya menggunakan Bahasa Inggeris bagi perkara yang melibatkan pengajian dan mengekalkan untuk bercakap dalam bahasa ibunda negara mereka untuk aktiviti sosial bersama rakan-rakan senegara.

“Walaupun pengalaman di negara ini berbeza dari negara asal saya, namun saya langsung tidak berminat untuk menerokai budaya baru lebih-lebih lagi tentang bahasa yang digunakan rakan sekelas. Saya tidak faham banyak loghat bahasa macam-macam bunyi. Saya merasakan perkara tersebut adalah membuang masa dan tidak memberi sebarang kebaikan kepada pengajian saya di sini untuk pelajarinya. Saya lebih suka memisahkan urusan pelajaran dengan aktiviti sosial. Keperluan menggunakan Bahasa Inggeris hanya terpakai apabila saya berada di kampus bagi tujuan mengikuti kuliah ataupun mengambil bahagian dalam perbincangan bersama pelajar tempatan. Selain dari itu, saya lebih suka bercampur dengan kawan-kawan dari negara saya. Dengan cara tersebut kami tidak merasa sebarang kekurangan ataupun perasaan terpinggir semasa berada di negara asing.” (Pelajar Antarabangsa 1)

Perspektif dari Pelajar Antarabangsa 23 lebih menjurus kepada penafian asimilasi budaya yang dirasakan sebagai suatu proses yang membebankan. Perkara tersebut timbul disebabkan terlalu banyak perbezaan budaya tuan rumah dengan budaya dari negara asal (Lee dan Ciftci, 2014; Tian dan Lowe, 2014; Abdullah, Adebayo dan Talib, 2015; Newsome dan Cooper, 2016; Lee, 2017; Irma Wani *et al.*, 2018; Emehinola, 2020). Sikap kurang mesra yang

diperlihatkan oleh pelajar telah memberi ketidakselesaan kepada mereka. Malahan stigma negatif masyarakat tempatan terhadap golongan pelajar asing yang dikatakan sering menimbulkan permasalahan telah menyumbang kepada langkah lebih berhati-hati untuk menjarakkan diri luar dari kelompok mereka. Situasi tersebut akhirnya mewujudkan jurang pemisahan budaya yang lebih ketara. Pengalaman tersebut diketengahkan menerusi dialog seperti di bawah:

“Pelajar tempatan sering menganggap kami membebankan mereka apabila diberi tugas berkumpul kerana kami tidak faham bahasa mereka dan terpaksa berkomunikasi dalam Bahasa Inggeris setiap kali melakukan perbincangan. Kami sering diolok-olokkan apabila tidak dapat faham dengan jelas tentang sesuatu perkara. Begitu juga apabila kami keluar berjalan-jalan persepsi negatif kami terima dari orang tempatan. Perbezaan budaya yang ketara membuatkan perbuatan kami nampak janggal di mata mereka. Ada kes yang melibatkan moral pelajar asing sebelum ini yang sentiasa menjadi stigma dan menjadi penghalang untuk kami mengasimilasikan diri dalam budaya baru. Lagi baik kami membuat hal sendiri dan memisahkan diri dari budaya tuan rumah.”(Pelajar Antarabangsa 23)

Skeptikal Budaya Baru dan Peminggiran Budaya Asal dalam Amalan Kehidupan Sehari-hari

Menurut Biserova dan Shagivaleeva, (2019) peminggiran budaya difahami sebagai sikap tidak acuh seseorang untuk cuba memahami budaya baru di negara tuan rumah dan dalam masa yang sama tidak juga merasakan kepentingan untuk mengekalkan budaya asal mereka untuk diamalkan dalam kehidupan seharian. Hasil maklum balas kajian mendapati sebilangan dari pelajar antarabangsa telah menyuarakan pandangan yang tidak mengambil berat langsung terhadap isu asimilasi budaya sebagai agenda kehidupan mereka di negara tuan rumah. Pada pemahaman mereka adalah suatu perbuatan yang merugikan sekiranya budaya itu diambil kira sebagai faktor yang mengawal atau menentukan perjalanan kehidupan mereka. Sikap acuh tidak acuh nilai sumbangan budaya ke atas pembentukan keperibadian diri timbul akibat tidak dapat menghargai pengalaman bernilai apabila seseorang itu berada di negara luar. Malahan seperti dalam Jadual 3 di bawah seramai 16 daripada 40 orang pelajar antarabangsa yang ditemu bual memberi persamaan pandangan berhubung ketidakpentingan budaya asal untuk disokong dan diamalkan ketika berada di luar.

Jadual 4: Skeptikal Budaya Baru dan Peminggiran Budaya Asal dalam Amalan Kehidupan Sehari-hari

| Universiti I | Universiti II | Universiti III | Universiti IV |
|------------------------|-------------------------|-------------------------|-------------------------|
| Pelajar Antarabangsa 1 | Pelajar Antarabangsa 12 | Pelajar Antarabangsa 19 | Pelajar Antarabangsa 28 |
| Pelajar Antarabangsa 3 | Pelajar Antarabangsa 15 | Pelajar Antarabangsa 22 | Pelajar Antarabangsa 31 |
| Pelajar Antarabangsa 6 | Pelajar Antarabangsa 16 | Pelajar Antarabangsa 27 | Pelajar Antarabangsa 34 |
| Pelajar Antarabangsa 9 | Pelajar Antarabangsa 17 | | Pelajar Antarabangsa 35 |
| | | | Pelajar Antarabangsa 40 |

Menurut Pelajar Antarabangsa 12 beliau tidak merasakan budaya sebagai faktor penentu bagi seseorang untuk menjalani kehidupan seharian secara normal. Justeru itu, secara skeptikal budaya dianggap sebagai ritual kolot yang mengekang kebebasan individu untuk melakukan sesetengah perkara yang praktikal pada zaman sekarang. Contohnya dari pengaruh berpakaian, menghormati pemikiran tradisional dan melibatkan diri dalam acara budaya boleh menyebabkan masa mereka terbuang dari melakukan sesuatu perkara yang produktif dan membuahkan hasil yang lebih berbentuk fizikal. Dalam kenyataan di bawah Pelajar Antarabangsa 12 mengambil pendekatan untuk berterus terang tentang isu budaya asal dan baru:

“Apa yang dikecohkan tentang budaya sama ada di sini atau di negara kami adalah suatu yang membuang masa dan tidak beri kelebihan. Hidup masih boleh berjalan seperti biasa. Tidak perlu terjebak dengan protokol dan tradisi yang tidak ada penghujungnya. Pada saya ia lebih praktikal jika kita berfikir ke arah untuk mendapatkan hasil yang boleh dilihat dari cuba menjadi bukan diri sebenar, terikut-ikut dengan sejarah lepas. Tidak perlu berpakaian tradisional atau mengikuti acara kebudayaan kerana semua itu sangat tidak penting pada era global yang bersandarkan kepada kemajuan teknologi.” (Pelajar Antarabangsa 12)

Menerusi Pelajar Antarabangsa 19 pula, beliau menyuarakan pandangan tentang pengalaman bernilai berada di luar negara lebih merujuk kepada pulangan atau habuan hasil dari pengajian yang diikuti di universiti dan tidak mempunyai perkaitan dengan elemen asimilasi budaya lama ke dalam budaya baru.

“Mungkin saya dibesarkan dan datang keluarga yang berpendidikan sekular di mana budaya hanyalah sebahagian dari sejarah kehidupan masa lepas. Saya tidak nampak kepentingan budaya untuk diketengahkan untuk tujuan pekerjaan masa depan. Saya lebih mengambil pendekatan yang liberal iaitu banyak wang diperuntukkan untuk saya mendapatkan pengajian di sini. Maka pengorbanan kewangan tersebut harus dipastikan berbaloi dengan ijazah yang saya peroleh kelak. Itu adalah matlamat utama saya datang ke mari.” (Pelajar Antarabangsa 19)

Pernyataan Pelajar Antarabangsa 40 menggambarkan pandangan dari rakan-akan yang lain apabila beliau mengaitkan persamaan terhadap isu menerokai budaya sebagai suatu perkara yang terlalu remeh. Ketidakprihatinan yang sama juga diperlihatkan dengan meminggirkan budaya negara asal mereka di atas dasar tiada kepentingan yang boleh diperolehi dengan mengekalkan budaya asal di negara tuan rumah.

“Jika budaya ini ditafsirkan sebagai makan makanan tradisi kami pada waktu pagi, tengah hari dan malam, maka kami tidak pernah makan sebegitu ketika berada di negara sendiri. Jika dikatakan budaya dilambangkan dengan cara berpakaian maka kami tidak pernah memakai pakaian kebangsaan kami kerana lebih selesa dengan pakaian ringkas dan kasual. Jadi dalam konteks ini budaya itu adalah suatu yang universal dan tidak meletakkan elemen keterpaksaan. Bukan budaya di sini sahaja yang kami abaikan tetapi juga budaya di tempat kelahiran kami juga kami tidak nampak kepentingannya untuk diamalkan.” (Pelajar Antarabangsa 40)

Integrasi Pengkalan Budaya Asal dalam Menerokai Budaya Baru

Hasil dapatan kajian turut melibatkan integrasi yang bermaksud inisiatif untuk mengekalkan budaya asal dan mendalami budaya baru di mana kedua-dua elemen berkenaan dianggap penting terutama bagi kumpulan minoriti seperti pelajar antarabangsa (Ladum dan Burkholder, 2019). Dalam konteks tersebut, integrasi budaya dilihat sebagai elemen yang bersesuaian untuk diamalkan dalam sebuah masyarakat majmuk dan berbilang budaya malahan memberi manfaat kepada komuniti asing di sesebuah negara tuan rumah. Dapatan kajian ini selari dengan penyelidikan dijalankan oleh Ahmad dan Buchanan, (2017), James-MacEachern dan Yun, (2017), Irma Wani, Hasbullah dan Norazah, (2019a) dan Irma Wani, Herlina dan Norazah, (2019b) membuktikan antara motif dominan bagi pelajar antarabangsa membuat pilihan belajar di luar negara adalah untuk meraih pengalaman dengan menerokai budaya asing.

Jadual 5: Integrasi Pengkalan Budaya Asal dalam Menerokai Budaya Baru

| Universiti I | Universiti II | Universiti III | Universiti IV |
|----------------------------|----------------------------|----------------------------|----------------------------|
| Pelajar Antarabangsa 2 | Pelajar Antarabangsa 11 | Pelajar Antarabangsa 20 | Pelajar Antarabangsa 29 |
| Pelajar Antarabangsa 4 | Pelajar Antarabangsa 13 | Pelajar Antarabangsa 21 | Pelajar Antarabangsa 30 |
| Pelajar Antarabangsa 5 | Pelajar Antarabangsa 14 | Pelajar Antarabangsa 23 | Pelajar Antarabangsa 31 |
| Pelajar Antarabangsa 7 | Pelajar Antarabangsa 18 | Pelajar Antarabangsa 24 | Pelajar Antarabangsa 33 |
| Pelajar Antarabangsa 8 | | Pelajar Antarabangsa 25 | Pelajar Antarabangsa 34 |
| Pelajar Antarabangsa 9 | | | Pelajar Antarabangsa 36 |
| Pelajar Antarabangsa 10 | | | Pelajar Antarabangsa 37 |
| | | | Pelajar Antarabangsa 38 |
| | | | Pelajar Antarabangsa 39 |
| | | | Pelajar Antarabangsa 40 |

Jadual 5 mempersembahkan 26 daripada 40 orang pelajar antarabangsa yang ditemui bual bersetuju iaitu dengan melanjutkan pelajaran ke luar negara telah memberi peluang untuk merasai pengalaman budaya asing, terutama di negara yang mempunyai masyarakat majmuk seperti Malaysia. Dalam masa yang sama mereka turut berkongsi budaya dengan masyarakat tempatan yang ingin turut mengetahui budaya negara asal mereka. Perkongsian tersebut telah menjadikan pelajar berpeluang mempromosikan budaya mereka dan mempelajari budaya baru. Pelajar Antarabangsa 7 dan 18, memberi pandangan yang hampir sama bahawa kesempatan berada di negara ini digunakan sepenuhnya melawat pusat tarikan pelancongan sambil mempelajari budaya baru (Ho, 2015; Abdullah, Adebayo dan Talib, 2015; Lee dan King, 2016; Hamad dan Suzanne, 2016; Lee, 2016; Chen, 2017; James-MacEachern dan Yun, 2017; Irma Wani, Hasbullah and Norazah, 2019a; Trujillo, Mohammed dan Saleh,

2020). Petikan dari dialog seperti di bawah menyokong proses integrasi pengekalan budaya asal dan menerokai budaya baru:

“Secara peribadi saya merasakan bertuah datang belajar ke sebuah negara yang mempunyai masyarakat berbilang bangsa yang dapat hidup secara harmoni walaupun mempunyai perbezaan budaya yang ketara. Sikap toleransi yang tinggi antara kaum terpancar dengan keterlibatan semua pihak apabila sesebuah perayaan disambut bersama. Banyak yang saya pelajari di sini. Bukan hanya melawat tempat pelancongan yang menarik. Tetapi juga mendalami budaya yang diamalkan oleh masyarakat setempat memberi kelebihan dalam pengalaman hidup saya”(Pelajar Antarabangsa 7)

“Berada di Malaysia seumpama minum kopi 3 dalam 1. Anda mendapat kopi yang sedap tetapi dalam masa yang sama masih boleh berkongsi kenikmatan tersebut. Seperti makan nasi lemak sebagai sarapan pagi bukan saja menjadi kebiasaan orang Melayu di sini. Malahan makanan tersebut diminati oleh bangsa Cina dan India. Ini membuktikan kesefahaman yang wujud datang bukan sahaja dari minda tetapi dari amalan kehidupan seharian masyarakat di sini.” (Pelajar Antarabangsa 18)

Menerusi kenyataan dari Pelajar Antarabangsa 21 dan 37 membuktikan integrasi budaya negara asal dan pendedahan terhadap budaya masyarakat tempatan mampu menghasilkan pengalaman lebih bermakna sepanjang berada di luar negara dan boleh dimanfaatkan semasa balik ke negara asal (Gresham, 2013; Arkoudis dan Baik, 2014; Tian dan Lowe, 2014; Hu, 2016; Li dan Zizzi, 2018; Irma Wani, Hasbullah dan Norazah, 2019a; Van Mol, 2019). Keunikan budaya yang didedahkan melalui pelbagai program sama ada di universiti mahupun masyarakat tempatan membuka minda pelajar antarabangsa untuk lebih menghargai nilai budaya negara lain. Pelajar Antarabangsa 21 kerap membuat perbandingan antara budaya asal dengan budaya baru bagi mendapatkan persamaan dan perbezaan kedua-duanya. Manakala Pelajar Antarabangsa 37 pula, mempunyai pandangan yang lebih jauh apabila menyuarakan hasil gabungan pertembungan dua budaya berbeza boleh dilihat dari sudut yang lebih positif iaitu dalam konteks integrasi budaya universal. Kenyataan pelajar-pelajar berikut dinyatakan seperti di bawah:

“Pengalaman baru yang saya peroleh selama berada di universiti ini adalah menyaksikan sikap baik hati serta peramah dalam kalangan pelajar tempatan membantu pelajar antarabangsa sekiranya kami ada masalah. Memandangkan kami jauh dari keluarga, pelajar tempatan di sini ringan tulang untuk membantu. Berbeza dengan di negara asal saya, keadaan begini sangat jarang berlaku. Pelajar-pelajar di negara asal saya lebih suka membuat hal sendiri. Akan tetapi pelajar di sini tidak melihat warna kulit, agama dan bangsa untuk membantu anda. Ini adalah pengalaman baru yang tidak dapat saya lupa.” (Pelajar Antarabangsa 21)

“Antara perkara yang saya teruja adalah melakukan persamaan dan perbezaan antara budaya di sini dengan budaya asal saya. Contohnya dalam konteks kehidupan sosial, persamaan budaya kami adalah mengutamakan orang yang lebih tua dalam keluarga dalam acara adat istiadat yang melibatkan perkahwinan. Budaya di sini agak berbeza kerana ibu bapa masih lagi tinggal bersama-sama walaupun anak-anak mereka sudah berkahwin. Manakala budaya yang diamalkan di peringkat yang lebih

rasmi pula saya boleh lihat persamaannya dalam usaha kerajaan memperkasa bahasa kebangsaan dalam acara rasmi. Sementara perbezaan Malaysia dengan negara saya adalah apabila Bahasa Inggeris dijadikan medium bahasa pengantar hampir di semua universiti sedangkan di negara saya masih mengekalkan bahasa rasmi sebagai bahasa yang diamalkan di peringkat universiti.” (Pelajar Antarabangsa 37)

Transmutasi Budaya Baru dan Lama dalam Penghasilan Budaya Alternatif

Transmutasi diketahui sebagai suatu proses yang menggabungkan budaya baru dan lama serta cuba menghasilkan suatu budaya ke-3 yang dianggap lebih memenuhi keperluan semasa (Peng dan Wu, 2019). Dalam konteks hasil kajian ini Jadual 6 memperlihatkan seramai lapan dari 40 orang pelajar antarabangsa yang ditemu bual menyatakan kekeliruan mereka tentang maksud budaya sebenar. Perkara ini terjadi apabila pendedahan pelbagai budaya telah meletakkan mereka dalam keadaan memilih budaya yang benar-benar memenuhi kehendak semasa. Rentetan dari penggabungan budaya yang dilakukan untuk memenuhi matlamat tertentu secara tidak langsung telah melahirkan budaya alternatif.

Jadual 6: Transmutasi Budaya Baru dan Lama dalam Penghasilan Budaya Alternatif

| Universiti I | Universiti II | Universiti III | Universiti IV |
|---------------------------|----------------------------|----------------------------|----------------------------|
| Pelajar Antarabangsa 1 | Pelajar Antarabangsa 15 | Pelajar Antarabangsa 19 | Pelajar Antarabangsa 28 |
| Pelajar Antarabangsa 9 | | Pelajar Antarabangsa 27 | Pelajar Antarabangsa 32 |
| | | | Pelajar Antarabangsa 35 |

Budaya alternatif difahami sebagai sebuah budaya yang saling melengkapi dan diamalkan menurut keperluan harian. Pernyataan yang dikeluarkan oleh Pelajar Antarabangsa 9 dan 32 memperlihatkan suatu perspektif baru yang mengaitkan budaya alternatif.

“Saya akan selesa dengan sesuatu budaya sekiranya elemen di dalam budaya itu dapat saling melengkapi keperluan semasa saya. Contohnya saya sukakan cara masyarakat di sini yang sangat menghormati pensyarah. Ini kerana budaya di tempat saya juga melakukan perkara sedemikian. Namun rasa hormat yang disokong oleh pelajar tidak menafikan hak mereka untuk mengeluarkan pandangan. Nilai tersebut saya dapat amat kurang di sini kerana pelajar masih lagi dibayangi oleh perasaan hormat dan takut kepada pensyarah. Sedangkan kami pula lebih mengambil pendekatan untuk berterus terang dan bersikap terbuka. Oleh itu, saya secara peribadi merasakan pelajar tempatan harus belajar untuk membezakan antara rasa hormat dan takut agar boleh mencetuskan budaya belajar yang sihat” (Pelajar Antarabangsa 9)

“Saya percaya dengan ungkapan “Budaya Melambangkan Bangsa”. Walau bagaimanapun dalam konteks hari ini, sikap terlalu mendahulukan budaya akan memerangkap kita. Keadaan tersebut menyebabkan fizikal kita terbelenggu dan minda kita tidak dapat berkembang. Pengalaman saya sebagai pelajar antarabangsa lebih mengajar saya untuk menggabungkan budaya asal dan budaya baru dengan mengambil kebaikan antara kedua-dua budaya tersebut lantas membina budaya

alternatif. Maksud saya jika terdapat situasi yang kita harus menghormati amalan budaya masyarakat tempatan maka kami akan menghormati budaya tersebut. Namun dalam masa yang sama juga kami mencadangkan amalan yang boleh diterima oleh semua orang.” (Pelajar Antarabangsa 32)

Daripada maklum balas kesemua pelajar antarabangsa telah memperlihatkan bahawa akulturasi budaya boleh mengambil bentuk yang berbeza dan memperlihatkan hasil yang berbeza bergantung dengan pendekatan yang diambil oleh seseorang individu mahupun komuniti tertentu. Semua perbezaan tersebut bergantung dengan keinginan untuk mengekalkan budaya asal dan dalam masa yang sama memelihara keharmonian dengan mengikuti budaya baru. Keputusan untuk melanjutkan pengajian ke luar negara dianggap sebagai peluang bernilai bagi golongan pelajar antarabangsa sekiranya mereka memilih untuk menghargai pengalaman tersebut (Ho, 2015; Lee dan King, 2016; Lee, 2016; Chen, 2017; Irma Wani, Herlina dan Norazah, 2019b; Nerlich, 2020). Selain dari itu proses akulturasi budaya juga tetap boleh dinafikan dan dipinggirkan oleh komuniti pelajar antarabangsa bergantung dengan pendekatan yang mereka pilih dalam menjalani kehidupan sepanjang berada di negara tuan rumah (Abdullah, Adebayo dan Talib, 2015; Hamad dan Suzanne, 2016; James-MacEachern dan Yun, 2017; Irma Wani, Hasbullah and Norazah, 2019a).

Kesimpulan

Akulturasi budaya memperlihatkan set perbuatan individu atau komuniti yang mewakili sekumpulan individu berinteraktif dengan budaya baru. Proses interaksi tersebut mempunyai kesinambungan dengan masyarakat sekeliling yang mendokong budaya berbeza dari budaya asal individu tersebut. Kertas kerja ini membentangkan hasil dapatan kajian yang merungkai proses sosial sekelompok pelajar antarabangsa yang berhadapan dengan unsur kebudayaan yang baru. Penumpuan dilakukan ke atas strategi akulturasi yang diambil oleh pelajar antarabangsa berkenaan yang meneliti tingkah laku seorang individu mengadaptasikan kepercayaan dan nilai budaya asal ke dalam persekitaran budaya baru.

Implikasi dari kajian ini membuktikan bahawa unsur-unsur kebudayaan asing mampu diolah ke dalam kebudayaan asal seseorang tanpa menjejaskan nilai murni budaya asal. Manakala hasil pembudayaan yang timbul dikenal pasti dengan penggunaan pendekatan strategi yang berbeza dalam kalangan pelajar antarabangsa. Antaranya adalah asimilasi membangun hubungan dengan budaya baru di mana pelajar antarabangsa berusaha mengasimilasikan diri ke dalam budaya baru tanpa mengambil pendekatan untuk memelihara keaslian budaya asal. Situasi berkenaan terjadi apabila pelajar dengan begitu mudah untuk meletakkan nilai budaya asal dari kedudukan sepatutnya asalkan mereka berada selesa berada dalam budaya baru negara tuan rumah.

Secara perbandingan kajian ini memberi justifikasi terhadap impak sekiranya terdapat juga pelajar antarabangsa yang memilih untuk menggunakan strategi pemisahan budaya asal dengan budaya baru. Dalam konteks tersebut pelajar antarabangsa dilihat tidak mahu berkompromi demi memastikan nilai dan ciri budaya asal tidak dilepaskan. Tindakan tersebut bertujuan untuk menjaga keaslian budaya asal. Justeru itu mereka melakukan penafian yang membawa kepada matlamat untuk mengekalkan budaya asal dan seterusnya menolak untuk menerima cara kehidupan di negara tuan rumah. Pada peringkat tersebut golongan pelajar antarabangsa dan masyarakat tempatan bukan sahaja dipisahkan jarak budaya, malahan hasil

pembudayaan sedemikian membuka ruang untuk mencetuskan ketidakpuasan hati yang boleh mencetuskan diskriminasi bangsa.

Seterusnya implikasi pembudayaan peminggiran mencetuskan sikap tidak acuh pelajar antarabangsa dalam usaha mereka cuba memahami budaya baru sepanjang berada di negara tuan rumah yang akhirnya memberi kesan negatif ke atas pengalaman mereka di negara tuan rumah. Namun dalam masa yang sama mereka turut tidak dapat merasakan kepentingan budaya asal diamalkan dalam kehidupan di negara asing. Dari perspektif tersebut, hasil dapatan kajian mengaitkan sikap sedemikian mempunyai perkaitan dengan faktor usia yang masih muda dan tidak mempunyai elemen kematangan serta berkemungkinan lahir dari latar belakang keluarga yang tidak mementingkan pengekalan budaya walaupun ketika berada di negara asal.

Tuntasnya, penemuan baru dari hasil kajian ini mendapati strategi akulturasi yang mengaplikasikan pendekatan integrasi dilihat pilihan terbaik yang boleh diimplematsikan oleh pelajar antarabangsa semasa berada di negara tuan rumah. Dalam konteks tersebut, apabila pelajar antarabangsa cuba untuk mengekalkan budaya asal tetapi dalam masa yang sama berusaha untuk mendalami budaya baru di negara tuan rumah maka mereka akan melalui pengalaman yang lebih bermakna. Mengambil pandangan pelajar antarabangsa yang ditemu bual kebanyakan dari mereka beranggapan strategi akulturasi yang mengekalkan budaya asal dan mengambil inisiatif untuk meresapi ke dalam budaya asing berkenaan dianggap tindakan penting terutama bagi kumpulan minoriti seperti mereka. Dalam konteks tersebut, pelajar antarabangsa tidak dapat lari dari melalui kehidupan kampus yang sememangnya mempunyai kepelbagaian latar belakang pelajar dan tenaga pengajar. Strategi akulturasi yang terakhir dikenali sebagai pembudayaan transmudasi yang menggambarkan suatu proses gabungan antara budaya baru dengan budaya asal. Justeru itu hasil pembudayaan yang baru terbentuk dan dikenali sebagai budaya alternatif yang dianggap lebih memenuhi keperluan semasa pelajar antarabangsa berkenaan.

Akhir sekali, perbincangan dalam kertas kerja ini membuktikan strategi akulturasi memberi implikasi yang berbeza terhadap penghasilan pembudayaan berdasarkan beberapa faktor yang menyumbang kepada penerimaan dan penolakan akulturasi. Dari perspektif tersebut, limitasi kajian merujuk faktor usia pelajar antarabangsa yang masih muda iaitu sekitar 18 sehingga 20 tahun. Perkara tersebut menyumbang kepada akulturasi budaya berbeza disebabkan faktor tidak mempunyai kematangan dalam menjalani kehidupan jauh dari kebiasaan hidup dari negara asal. Manakala latar belakang pendidikan responden yang berlainan berdasarkan sistem pendidikan negara asal masing-masing turut memberi input berbeza. Kajian yang memfokuskan kepada kewarganeraan yang sama berkemungkinan menghasilkan dapatan kajian yang berbeza. Pengaruh keluarga dikatakan memberi impak besar terhadap proses akulturasi individu di mana responden kajian adalah pelajar persendirian yang ditanggung pengajian oleh kewangan keluarga. Tambahan lagi terdapat sebahagian pelajar antarabangsa yang sudah terbiasa hidup di luar negara sejak kecil lagi jika dibandingkan dengan responden yang baru pertama kali. Manakala status sebagai orang asing yang tidak menetap dalam tempoh masa yang panjang di negara tuan rumah, jarak budaya antara negara asal dan negara tuan rumah serta justifikasi kepada mobiliti pelajar melanjutkan pengajian di luar negara menjadi indikator hasil pembudayaan berbeza.

Rujukan

- Abdullah, M. C., Adebayo, A. S., & Talib, A. R. (2015). Relationship between Demographic Factors, Social Support and Sociocultural Adjustment among International Post Graduate Students in a Malaysian Public University. *Journal of Educational and Social Research*, 5(2): 87-102.
- Abd Hair Awang, Zaimah Ramli & Izzurazlia Ibrahim. (2012). Faktor Tarikan Pelajar Siswazah Antarabangsa ke Universiti Penyelidikan di Malaysia. *GEOGRAFIA – Malaysian Journal of Society and Space*, 8 (6): 32-41.
- Ahmad, S. Z., & Buchanan, F. R. (2017). Motivation factors in student's decision to study at international branch campuses in Malaysia. *Studies in Higher Education*, 42 (4): 651–668.
- Arkoudis, S., & Baik, C. (2014). Crossing the interaction divides between international and domestic students in higher education. *Review of Higher Education (HERDSA)*, 1:47-62.
- Biserova, G. K., & Shagivaleeva, G. R. (2019). Socio-Psychological Adaptation of International Students to Learning and Professional Activities. *Space and Culture, India*, 6(5), 99-114.
- Cao, C., & Meng, Q. (2012). Mapping the Paths from Language Proficiency to Adaptation for Chinese Students in a Non-English Speaker Country: An Integrative Model of Mediation. *Current Psychology*, 1–12.
- Chen, J.M. (2017). "Three Levels of Push-Pull Dynamics Among Chinese International Students' Decision to Study Abroad in the Canadian Context", *Journal of International Students*, 7 (1): 113-135.
- Colvin, C. Fozdar, F., & Volet, S. (2012). Intercultural Interaction in University Tutorials: A Bourdieusian Analysis. *Research and Development in Higher Education: Connections in Higher education*, 35: 13
- Cowley, S. P., & Ssekasi, D. H. (2018). Motivation, Induction and Challenge: Examining The Initial Phase of International Students' Education. *Journal of International Students*, 8 (1):109-130.
- Creswell, J.W. (2013). *Research Design: Qualitative and Quantitative Approaches*. Los Angeles: Sage Publication Ltd.
- Emehinola, T. T. (2020). *Patterns and Problems of International Students' Self-Adjustment: Case Study of International Students at Universitas Pendidikan Indonesia*. Doctoral Dissertation, Universitas Pendidikan Indonesia.
- Eriksson, P., & Kovalainen, A. (2016). *Qualitative Methods in Business Research* 2nd ed. London, Thousand Oaks, New Delhi and Singapore: Sage.
- Falcone, S. (2017). International Students' Recruitment: Trends and Challenges. *Journal of International Students*, 7 (2): 246–256.
- Flick, U. (2014). *An Introduction to Qualitative Research (5th Ed.)*. SAGE, London.
- Gabel, R.S, Dolen, S.L., & Cerdin, J.L. (2013). Emotional Intelligence as Predictor of Cultural Adjustment for Success in Global Assignment. *Career Development International*. 10 (5): 375- 395.
- Gilakjani. (2015). *The Significance of Pronunciation in English Language Teaching*. English Language Teaching, 5 (1): 96.
- Glass, C. R., & Westmont, C. M. (2014). Comparative Effects of Belongingness on the Academic Success and Cross-Cultural Interactions of Domestic and International Students. *International Journal of Intercultural Relations*, 38: 106-119.

- Gresham, R. (2013). Interaction between International Students and Local Communities. *Journal of the Australia and New Zealand student services Association*, 21: 20-34.
- Hamad Alghamdi & Suzanne Otte. (2016). The Challenges and Benefits of Study Abroad. *International Journal of Humanities and Social Science*, 6 (5).
- Herlina, J., Irma Wani, O., Norazah, M. S., Muhammad Safuan, Y., & Hasbullah, A. (2018). International Student Destination Choice: Institutional Influence. *Labuan e-Journal of Muamalat and Society*. 12(2018):139-147.
- Herlina, J., Irma Wani, O., Norazah, M. S., Muhammad Safuan, Y., Hasbullah, A., & Rudy Adie, R. (2017). Factors Influencing International Student's Decision in Choosing Study Destination Abroad. *Labuan e-Journal of Muamalat and Societ*. 11(2017): 86-97.
- Hirai, R., Frazier, P., & Syed, M. (2015). Psychological and Sociocultural Adjustment of First-Year International Students: Trajectories and Predictors. *Journal of Counselling Psychology*, 62 (3):438.
- Ho, H.-F. 2015. Place Strategy in School Marketing: Location, Timing, and Physical Evidence. *Review of European Studies*, 7 (7): 60-68.
- Hwang, E., Martirosyan, N., & Moore, G. (2016). A Review of Literature on Adjustment Issues of International Students: Recommendations for Future Practices and Research. In Bista, K., and Foster, C. (eds.), *Global perspectives and local challenges surrounding international student mobility* (pp: 223-242). Hershey, PA: IGI Global.
- Irma Wani, O., Hasbullah, A., & Norazah, M. S. (2019a). First Year International Students' Experience in Universiti Malaysia Sabah. *International Journal of Psychosocial Rehabilitation*, Vol. 23 (2), 23-38.
- Irma Wani, O., Herlina, J., & Norazah, M. S. (2019b). Factors Affecting the Tendency of International Students to Pursue Study in Universiti Malaysia Sabah. *International Journal of Psychosocial Rehabilitation*, Vol. 23 (2), 185-200.
- Irma Wani, O., Herlina, J., Abu Bakar, A. H., Muhammad Safuan, Y., & Hasbullah, A. (2018). Social Factors Influencing International Student's Decision In Choosing Universiti Malaysia Sabah As A Study Destination. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development*. 3(8):87-97.
- Irma Wani, O., Hasbullah, A., Muhammad Safuan, Y., & Herlina, J. (2017a). Socioculture Influence among International Students at Universiti Malaysia Sabah (UMS). *Journal of Information System and Technology Management*. 2(3):01-06.
- Irma Wani, O., Mohd Kamal, M. S., Muhammad Safuan, Y., Norazah, M. S., Hasbullah, A., & Herlina, J. (2017b). Pengantarabangsaan Pendidikan Tinggi: Amalan dan Cabaran. *Labuan e-Journal of Muamalat and Society*. 11(2017): 98-108.
- James-MacEachern, M., & Yun, D. (2017). "Exploring Factors Influencing International Students' Decision to Choose a Higher Education Institution: A Comparison between Chinese and Other Students". *International Journal of Educational Management*, 31 (3): 343-363.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2018). *Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025-Pdf*. Kementerian Pendidikan Malaysia, Putrajaya. Diakses pada 15 Oktober 2020.
- Kim, Y.Y. (2015). *Communication and Cross-Cultural Adaption: An Integrative Theory*. The University of Michigan.
- Krishna Bista. (2016). International Students' Social Network: Network Mapping to Friendship Formation and Student Engagement on Campus. *Journal of International Students*, Online 6 (1), ISSN: 2162-3104 Print/ ISSN: 2166-3750.

- Ladum, A., & Burkholder, G., (2019). Cultural Distance, Acculturative Stress, Functional Social Support, and Psychological Adaptation of International Students. *Higher Learning Research Communications*, 9(1).
- Lee, C. S. (2017). On the Cognitive Benefits of Cultural Experience: Exploring The Relationship Between Studying Abroad and Creative Thinking. *Applied Cognitive Psychology*, 26 (5): 768-778.
- Lee, C.-F., & King, B. (2016). International students in Asia: Travel Behaviors And Destination Perceptions. *Asia Pacific Journal of Tourism Research*, 21 (4): 457–476.
- Lee, S.W. (2016). "Circulating East to East: Understanding the Push-Pull Factors of Chinese Students Studying in Korea", *Journal of studies in international education*, 21 (2): 170-190.
- Lee, J., & Ciftci, A. (2014). Asian International Students' Sociocultural Adaptation: Influence of Multicultural Personality, Assertiveness, Academic Self-Efficacy, and Social Support. *International Journal of Intercultural Relations*, 38: 97–105.
- Li, S., & Zizzi, S. (2018). A Case Study of International Students' Social Adjustment, Friendship Development, and Physical Activity. *Journal of International Students*, 8 (1): 389–408.
- Martirosyan, N. M., Hwang, E., & Wanjohi, R. (2015). Impact of English Proficiency on Academic Performance of International Students. *Journal of International Students*, 5 (1): 60-71.
- Morrell, D., Ravlin, L., Ramsey, J. R., & Ward, A. K. (2013). Experience, Cultural Intelligence, and Satisfaction with International Business Studies. *Journal of Teaching in International Business*.
- Nilsson, P.A., & Umeå universitet. (2015). "Expectations and Experiences of Inbound Students: Perspectives from Sweden". *Journal of International Students*, 5 (2): 161-174.
- Nerlich, S. (2020). Outcomes-focused Evaluation of Study Abroad Experiences. *Journal of Higher Education Policy and Management*, 1-16.
- Newsome, L.K., & Cooper, P. (2016). International Students' Cultural and Social Experiences in a British University: "Such a hard life [it] is here". *Journal of International Students*, 6 (1): 195-215.
- Peng, R.Z., & Wu, W.P. (2019). Measuring Communication Patterns and Intercultural Transformation of International Students in Cross-Cultural Adaptation. *International Journal of Intercultural Relations*, 70, pp.78-88.
- Podymov, N.A., Sorokina, G.A., Litvinenko, N.A., Kurnykina, O.V., Fabrikov, M.S., Maleko, E.V., Novitskaya, L.Y., & Novitskaya, L.Y. (2019). Study on Cross-Cultural Interaction Competency Development of International Students: Permanent Nature of Cultural Archetype. *International Journal of Advanced Biotechnology and Research*, 10(S1), pp.162-171.
- Sawir, (2014). Loneliness and International Students: An Australian Study. *Journal of Studies in International Education*, 12 (1), 148-180.
- Seidman, I. (2006). Interviewing as Qualitative Research: *A Guide for Researchers in Education and the Sciences*, (3rd Ed.). Teachers College Press.
- Smith, R. A., & Khawaja, N. G. (2014). A Group Psychological Intervention to Enhance the Coping and Acculturation of International Students. *Advances in Mental Health*, 12 (2): 110-124.

- Suryandari, R., Jaafar, M., & Hamzah, N. (2014). Mengantarabangsakan Ruang Pendidikan Tinggi Malaysia: Pengalaman. *Malaysian Journal of Society and Space*, 10 (3): 60-72.
- Tian, M., & Lowe, J. A. (2014). Intercultural Identity and Intercultural Experiences of American Students in China. *Journal of Studies in International Education*, 18 (3): 281 – 297.
- Trujillo, J. P. C., Mohammed, P. J., & Saleh, S. T. (2020). Students' Motivations to Study Abroad: The Case of International Students at the University of Debrecen. *Central European Journal of Educational Research*, 2(1), 76-81.
- Universiti kebangsaan Malaysia. (2015). UKM akan Tingkatkan Pengambilan Pelajar Siswazah Berbanding Pra-Siswazah Pada Nisbah 50:50 Menjelang 2015. <http://www.ukm.my/news/arkib-berita/tahun-2010/julai-2010/ukm-akan-tingkatkan-pengambilan-pelajar-siswazah-berbanding-pra-siswazah-pada-nisbah-5050-menjelang-2015/>. Diakses pada 15 Oktober 2020.
- Van Mol, C. (2019). Integrating International Students in Local (Student) Communities. A Theory-To-Practice Perspective. *Journal of Comparative and International Higher Education*, 11(Winter), 14-17.
- www.astroawani.com. (2017). Penarafan subjek bukti universiti tempatan antara yang terbaik di dunia. Diakses pada 25 Oktober 2020.
- www.bharian.com.my. (2017). Malaysia Mampu Berperanan Sebagai Hub Pendidikan Global. Diakses pada 25 Oktober 2018.
- www.bharian.com.my. (2017). Negara Luar Yakini Kualiti Pendidikan Kita. Diakses pada 25 Oktober 2020.
- Yan, K. (2017). Chinese International Students in the United States: Adjustment Problems and Coping Behaviours. Chinese International Students' Stressors and Coping. Singapore: Springer.